




# BULETIN INFO LIB

## Program ‘KARNIVAL PENDIDIKAN TINGGI & KERJAYA 2018’ anjuran SUK Selangor



Unit Perpustakaan dan PSA telah diberi peluang untuk turut serta dalam menjayakan program anjuran Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor (PPAS). Program ini telah berlangsung di Stadium Melawati Shah Alam selama 4 hari bermula dari 1 hingga 4 Mac 2018. Unit perpustakaan telah menjayakan program “Kahoot” iaitu kuiz ilmu pengetahuan am untuk pengunjung dan pempamer. Pemenang yang berjaya menjawab soalan yang diberikan telah diberi saguhati berupa wang tunai bernilai RM30 bagi setiap set soalan. Sebanyak 15 set soalan Kahoot telah dipertandingkan sepanjang program ini. Manakala para pelajar dari PSA pula telah menjayakan pertandingan ROBOTIK di kalangan IPTA/IPTS. Laporan penuh lihat muka surat 4

Isi Kandungan	Halaman
Kata Aluan Pustakawan	2
Senarai Aktiviti	3
Statistik	4-5
Galeri Aktiviti	8-23



## Kata Aluan Pustakawan

Assalamualaikum w.b.t dan salam sejahtera

Alhamdulillah bersyukur ke hadrat Ilahi sekali lagi kerana masih diberi kesempatan untuk meneruskan terbitan Buletin INFOLIB ini. Pelbagai info, aktiviti juga program yang telah dijalankan dimasukkan di dalam Infolib sepanjang tempoh Januari hingga Jun 2018 edisi 34 ini. Saya juga ingin mengucapkan tahniah dan syabas di atas komitmen dan kerjasama sidang editor dalam mengumpul dan menyediakan bahan laporan untuk dimuatkan di dalam INFOLIB ini. Semoga segala maklumat yang dipaparkan di dalam Infolib ini dapat memberi manfaat dan maklumat kepada semua pembaca. Sekian terima kasih.



## Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang Kementerian Pendidikan Tinggi Tahun 2017

**Puan Norhayati Binti Majid**  
Pustakawan S44 (M)

Tahniah diucapkan buat Puan Norhayati Binti Majid di atas penerimaan Anugerah Cemerlang PSA bagi tahun 2017

## Latihan Industri Pelajar Sarjana Muda Sains Maklumat (Kepujian) Pengurusan Perpustakaan, UiTM Rembau

Unit perpustakaan telah menerima 2 orang pelajar Latihan Industri dari UiTM Rembau . Mereka akan menjalani latihan selama 5 bulan bermula dari Februari hingga Jun 2018. Latihan industri ini merupakan syarat utama melayakkan pelajar UiTM menamatkan pengajian mereka. Siti Ezatul Farriza Binti Mohammed Roslan dan Maryam Safia Binti Ahmad Auzaimi kedua-dua nya berasal dari Seksyen 2 dan Seksyen 27 Shah Alam. Pelajar dari Fakulti Pengurusan Sains Maklumat Perpustakaan UiTM Rembau, Negeri Sembilan.





## Pelajar Latihan Industri (LI) dari UiTM Rembau

Kanan : Siti Ezzatul Farriza Binti Mohammed Rolsan & Kiri : Maryam Safia Binti Ahmad Auzaimi

### SENARAI AKTIVITI JANUARI - JUN 2018

TARIKH	AKTIVITI
25 JAN	PINJAMAN BERKELOMPOK PNM
1 FEB	PELAJAR UiTM REMBAU MULA LI
5-7 FEB	KURSUS LITERASI MAKLUMAT PELAJAR BARU SESI DISEMBER
13 FEB	KURSUS PENANDARASAN STAF KE MITI, JALAN DUTA KL
23-24 FEB	NIGHT@PNM & SINGGAH SANTAI PNM
1-4 MAC	KARNIVAL PENGAJIAN TINGGI ANJURAN SUK SELANGOR & PPAS DI STADIUM MELAWATI SHAH ALAM
13 APR	PELAJAR PSA TAMAT LI. MULA LI PADA 27 NOV 2017.
24 APR	PROGRAM JOM BACA 10 MINIT
26 APR	LAWATAN AUDIT MQA BAGI PROGRAM DEA (DIPLOMA EKSEKUTIF AUTOMOTIVE)
26 APR	LAWATAN KERJA KOLEJ VOKASIONAL KUALA SELANGOR
2 MEI	LAWATAN KERJA DARI POLITEKNIK SULTAN AHMAD SHAH, KUANTAN
28 MEI	TADARUS PERPUSTAKAAN
6-7 JUN	INTEGRATED AUDIT—AUDIT MQA & APACC
7 JUN	WORLD QURAN HOUR
8 JUN	AKTIVITI GOTONG ROYONG MASAK BUBUR LAMBUK “ZON PERIDOT”
29 JUN	PELAJAR UiTM REMBAU TAMAT LI

**STATISTIK****10 PEMINJAM TERBANYAK (PELAJAR)**


BIL	NAMA	NO. MATRIK	JABATAN
1	AWALUDDIN	08DKA16F2160	JKA
2	SANDYA	08DKM17F1209	JKM
3	JAANAVEE DEVI	08DPI17F2014	JPG
4	ANANDYOGARAU	08DKA17F1227	JKA
5	NUR HALIZA	08BFM16F3019	FM
6	SITI NUR FATIN	08BFM16F3020	FM
7	MOHD FADZLI	08LFM14F3002	FM
8	NOR HANISAH	08LFM14F3006	FM
9	AMSAREKHA	08DPR17F2007	JPG
10	AMAL ASYRAF	08DKM17F1216	JKM

**10 PEMINJAM TERBANYAK (STAF)**

BIL	NAMA	NO. K/P	JABATAN
1	NORLIA	810522075558	JKE
2	TENGKU MOHD AIZAN	760101035651	JKE
3	IDRIS KAMARUDDIN	750108086073	JKE
4	ENARNEYNNANEY	760618055578	JKA
5	ZURIATI A.MAJID	720613035632	JKA
6	WAN MAJDAH	811009115330	ULPL
7	MARRIATY	790710145992	JKA
8	FAIZAH YAACOB	750212045482	JPG
9	ZARINA MAT SAPRI	780513145062	JKA
10	ROSIDAAHMAD	710303086208	JKA


PERKHIDMATAN	JAN	FEB	MAC	APRIL	MEI	JUN
PEMINJAMAN	127	62	64	51	26	33
PEMULANGAN	118	88	57	51	25	16
INTERNET	544	306	479	83		
MENAIP & MENCETAK	249	133	290	56		
BILIK TERATAI	7	4	6	5		
BILIK PERBINCANGAN	92	76	130	35		
BILIK KAREL	7	6	5	20		
					CUTI SEMESTER	

## STATISTIK PENGGUNAAN PERPUSTAKAAN JANUARI - JUN 2018



PENGGUNJUNG	JAN	FEB	MAC	APRIL	MEI	JUN
	14805	12970	16759	6077	1343	447

## STATISTIK PENGGUNJUNG PERPUSTAKAAN JANUARI - JUN 2018



**Penyertaan Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah di dalam  
KARNIVAL PENDIDIKAN TINGGI & KERJAYA 2018  
1-4 Mac Stadium Malawati, Shah Alam**

Karnival anjuran Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor dan SUK Negeri Selangor ini telah diadakan pada 1-4 Mac 2018 yang lepas di Stadium Malawati Shah Alam. Sejumlah 37 agensi kerajaan/IPTA dan IPTS terlibat dalam karnival ini. Antara IPTA/IPTS/agensi kerajaan yang terlibat ialah UM, UPM, UTP, UniKL, OUM, KUIM, PICOMS, GMI, UNITAR, INPENS, Kolej Silverspoon, MBI, SHRDC dan banyak lagi. Pelbagai acara menarik terdapat dalam karnival ini seperti kaunter dan pameran Pendidikan Tinggi, Motivasi pelajar SPM/STPM, Pertandingan Robotik, Bicara Kerjaya, Pertandingan Catur Sekolah Menengah dan IPT, Pertandingan Nasyid IPT, Pesta Lelong Buku, Kuiz Interaktif dan banyak lagi. Slot motivasi PMR/SPM/STPM pula menampilkan penceramah hebat seperti Dato' Dr. Hj. Mohd Fadzilah Kamsah, Angkasawan Negara Datuk Dr. Sheikh Muszaphar Shukor dan Dr. Hj. Tengku Asmadi Tengku Mohamad.

Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah (PSA) telah menyertai karnival ini dengan mengadakan pameran booth yang dikendalikan Bahagian Hal Ehwal Pelajar, Pertandingan Robotik, Selangor's Robowrestle Challenge 2018 yang dikendalikan oleh Jabatan Kejuruteraan Mekanikal dan Kuiz Interaktif Kahoot yang dikendalikan Unit Perpustakaan.

Objektif PSA menyertai Karnival ini ialah untuk menonjolkan kepakaran yang terdapat di PSA sebagai Politeknik Premier selaku peneraju bidang TVET, untuk mengembangkan pengetahuan dan kepakaran PSA dalam bidang robotik dan untuk menampilkan imej PSA sebagai IPT yang berdaya saing dan mampu menarik kemasukan pelajar. Kuiz interaktif pula diadakan bagi menceriakan suasana dengan hiburan bermaklumat.

Pertandingan Selangor's Robowrestle Challenge 2018 diantara IPTA/IPTS pula menarik 13 pasukan untuk bertanding. Antara pasukan yang terlibat ialah ADTEC (Pusat Latihan Teknologi Tinggi) Melaka, Institut Latihan Perindustrian (ILP) Kuala Lumpur, Universiti Nottingham Kampus Malaysia dan lain-lain. Pemenang tempat pertama menerima hadiah berupa wang tunai RM 3000 ialah pasukan ADTEC Melaka manakala pasukan B ADTEC Melaka memenangi tempat kedua dengan wang tunai RM 2000. Tempat ketiga dimenangi oleh pasukan ILP KL Bulldozer B. Seterusnya hadiah Best Application dimenangi oleh Pasukan Blackghost dari Universiti Nottingham, Semenyih.

Bagi pertandingan Kuiz Interaktif pula sebanyak 15 set Kuiz Kahoot telah dijalankan. Hadiah berupa wang tunai juga sebanyak RM 30 bagi pemenang yang menjawab dengan pantas dan tepat. Soalan yang diajukan adalah pengetahuan am berkaitan karnival Shah Alam, Selangor dan Sukan SEA. Pelajar sekolah dan pemamer turut menyertai permainan ini. Melalui aktiviti ini dapat menyebarkan usaha-usaha yang dijalankan.

## SENARAI PEMPAMER

GMI	UM
UNITAR	SILVERSPOON
UNISEL	MSU
KUIS	UNITEN
INPENS	KIAS
SHRDC	AL-MADINAH INTL UNIVERSITY
BAHAGIAN SUMBER MANUSIA, SUK	KOLEJ PROFESIONAL MARA, BERANANG
PPAS	UNIVERSITI TUN ABDUL RAZAK
MBI	TATI UNIVERSITI COLLEGE
UTP	UNIVERSITI PERTAHANAN NASIONAL MALAYSIA
UPM	STRAND
UniKL	LES COPAQUE
OUM	WIT COLLEGE
KUIM	KOLEJ TEKNOLOGI MEA
IPB KL	YAYASAN SELAWNGOR
PICOMS	KWSP
HELP UNIVERSITY	KOLEJ KOMUNITI
UniSHAMS	POLITEKNIK SULTAN ABDUL AZIZ SHAH
CIAST	

## BIL. 34



Pameran robot humanoid oleh pelajar PSA,  
Jabatan Kejuruteraan Mekanikal



Poster program Karnival Pendidikan Tinggi & Kerjaya 2018



Juara dan Naib Juara dari ADTEC Melaka



Pemenang tempat ketiga dari ILP, KL



Antara pemenang Kuiz interaktif Kahoot



# Galeri AKTIVITI



Lawatan penandarasan  
Unit Perpustakaan  
ke Perpustakaan Miti  
Jalan Duta K.L.





Lawatan penandaraan  
Unit Perpustakaan  
ke Perpustakaan Miti  
Jalan Duta K.L.



Unit Perpustakaan  
dijadikan Pusat  
Pengambilan Jubah bagi  
Konvoesyen 2018



Bacaan umum untuk  
pengguna & Pinjaman  
Kelompok PNM



Tazkirah hari Jumaat  
Unit Perpustakaan sering  
mengadakan Majlis Ilmu  
bagi 'Zon Peridot'





Unit Perpustakaan  
bersama gabungan unit lain  
terlibat dalam menjayakan  
Perhimpunan Staf  
Bil. 01/2018





Karnival  
Pendidikan Tinggi  
& Kerjaya 2018



## Kolabiasi program Anjuran Perpustakaan Negara Malaysia bersama para pelajar PSA



### **Program Singgah Santai @PNM #Relakslah Dulu siri 1 (24 Februari 2018)**

Perpustakaan Negara Malaysia merupakan aktiviti berskala sederhana yang merupakan jenama baru aktiviti galakan membaca (peringkat dalaman PNM) yang melibatkan kerjasama bahagian-bahagian perkhidmatan selaras dengan usaha memberi galakan kepada pengunjung untuk mengunjungi dan menggunakan perkhidmatan yang disediakan oleh PNM serta melibatkan diri dengan pelbagai aktiviti menarik yang mampu merangsang perkembangan minda dan interaksi sosial mereka.

Objektif utama program ini diadakan adalah untuk menarik minat masyarakat untuk berkunjung ke perpustakaan dan sekaligus dapat merapatkan lagi hubungan antara perpustakaan dengan komuniti setempat bagi mewujudkan generasi yang membaca dan celik ilmu. Singgah Santai @PNM #Relakslah Dulu siri 1 ini buat pertama kalinya menampilkan Program Night@Library yang telah disertai oleh 20 orang pelajar lelaki dari Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, Shah Alam. Program ini menumpukan kepada pembangunan kendiri pelajar, motivasi dan persediaan ke alam pekerjaan. Pendekatan santai digunakan bagi membolehkan interaksi antara fasilitator dan pelajar berlangsung dengan baik sepanjang program tersebut yang bermula pada jam 5.00 petang 23 Februari 2018 (Jumaat) dan berakhir jam kira-kira 5.00 petang 24 Februari 2018 (Sabtu).

Dalam prorgam ini, pelajar juga didedahkan dengan Taklimat Literasi Maklumat yang disampaikan oleh Encik Muhammad Redzuan Ramli, Aktiviti Infohunt pula dikendalikan Puan Za'imah Ahlam binti Talhah. Pelajar dihantar ke PNM dengan menaiki bas yang dipinjamkan oleh Politeknik Banting manakala perjalanan balik dihantar oleh van PNM. Puan Norhayati Majid turut menjadi pengiring pelajar dalam program ini.





# JOM BACA 10 MINIT



Unit Perpustakaan telah mengadakan program Jom Baca Selama 10 Minit di Unit Pentadbiran PSA. Buku yang dibawa adalah buku yang diperoleh dari Pinjaman Kelompok PNM iaitu buku bacaan ringan. Oleh kerana cuti semester sedang berlangsung, program ini hanya melibatkan staf PSA sahaja. Terima kasih kepada semua yang telah terlibat.

*Bangsa Membaca Bangsa Berjaya.*





Perpustakaan telah mengadakan program Satu Jam Bersama Al-Quran sempena program World Quran Hour. Tujuan program ini ialah supaya kita meluangkan sekurang-kurangnya sejam dalam setahun untuk mengaji di mana sahaja. Kempen ini adalah untuk menggalakkan setiap individu untuk membaca, faham dan amal nilai-nilai yang terdapat di dalam Al-Quran. Mewujudkan minda Al-Quran dan sistem pengendalian dalam jiwa dan akhirnya mempraktikkan nilai-nilai Al-Quran dalam akhlak mereka. Program ini telah diadakan di Bilik Teratai, Unit Perpustakaan.

Program ini telah diketuai oleh Encik Hashim bin Ahmad dari JPG. Beliau telah membaca Surah Al-Hujurat disamping terjemahannya seterusnya menghuraikan peristiwa yang terlibat dengan tersebut. Terima kasih diucapkan kepada Encik Hashim di atas perkongsian ilmu yang sangat bermanfaat ini. Walaupun sambutan yang diterima kurang menggalakkan kerana pada tarikh ini sedang berlangsung Integrated Audit PSA.



## Tadarus Al-Quran Puspanita

28 Mei 2018.

Unit Perpustakaan telah mengadakan tadarus Al-Quran dari Surah Ar-Rahman dan Al-Mujadalah.

Peserta yang terlibat ialah Puan Siti Fatimah Wahab, Puan Norhayati Majid, Puan Norparasila Ahmad Kamali, Puan Azleena Basiron, Puan Norlina Ahmad, Cik Ezzatul Farriza Roslan dan Cik Maryam Safia.

## Lawatan kerja dari POLISAS



2 Mei 2016

Unit Perpustakaan telah menerima lawatan dari Politeknik Sultan Haji Ahmad Shah (POLISAS) Kuantan. Seramai 7 orang staf terlibat dalam lawatan ini iaitu Puan Hasnita Zakaria, Muhammad Rizal bin Faisal dan lain-lain.



## Lawatan kerja Kolej Vokasional Kuala Selangor



24 April 2018

Meraikan lawatan penandaarasan dari Kolej Vokasional Kuala Selangor. Lawatan selama setengah hari ini dipenuhi dengan aktiviti taklimat oleh Puan Siti Fatimah Wahab dan lawatan berpandu di dalam perpustakaan.



## Majlis Perpisahan Para Pelajar Latihan Industri & Staf Bertukar Dari Zon Peridot



**Dr. Wan Nooraini** telah kembali ke Jabatan Pengajian Am manakala  
**Puan Norhidaya Musa** kembali ke Jabatan Kejuruteraan Mekanikal.  
*'Jauh di mata tapi dekat di hati'*

Gambar di bawah :

Pelajar latihan Industri dari PSA iaitu **Desy Mutia Nasrul** menjalani latihan industri di Perpustakaan PSA.



## Integrated Audit Pelaksanaan Audit APACC, MQA, ETAC, MS ISO, Pelan Strategik 2016 - 2020



7 & 8 Jun 2018.

Audit telah dijalankan oleh Loh Yee Nee dari JKE dan Husniyati Adnan dari JMSK. Unit Perpustakaan hanya terlibat dengan audit APACC dan MQA sahaja. Kedua-dua audit ini telah berlangsung selama 2 hari untuk meneliti dokumen dan pemeriksaan ke atas sistem ILMU dan buku yang terdapat di perpustakaan.

## Gotong Royong Bubur Lambuk Zon Peridot



Pada 23 Ramadhan, Zon Peridot telah mengadakan gotong royong memasak bubur lambuk di Bilik Teratai Perpustakaan. Acara memasak diketuai oleh Puan Aishah Saim. Bubur lambuk ini dimasak menggunakan 4 set periuk Noxxa. Majlis memasak selesai sebelum pukul 12 tengahari dan sebelum diagihkan kepada semua staf.

Unit Perpustakaan telah menerima sumbangan telekung dan sejадah untuk kegunaan surau pelajar pada bulan Ramadhan lepas. Terima kasih kepada Puan Shareaha Binti Din atas sumbangan beliau.

## Kenangan Raya 2018 Unit Perpustakaan



1 Jun 2018  
Unit Perpustakaan merakamkan gambar untuk Raya 2018.  
Perpustakaan juga mula dihias bagi menghidupkan mood raya.

Selamat Hari Raya  
Maaf Zahir Batin



**MELANCONG**  
BUATKAN KITA BAHAGIA

**MELANCONG** banyak manfaat. Sekali pun atas urusan perniagaan atau percutian keluarga, aktiviti ini boleh membuat kita menjadi lebih santai dan tenang.

Berikut 5 alasan mengapa melancong boleh membuatkan kita lebih bahagia.

- **Lebih dihargai**  
Saat bercuti atau mungkin mengembala, memelihara ke rumah bukan satu kewajipan, namun menjadi sesuatu yang sangat ingin kita lakukan ini disebabkan segala cinta dan pengalaman dirasuk dapat dikongsi dengan keluarga. Berada di destinasi percutian seorang diri tanpa keluarga membuktikan kita lebih menghangatkan diri.
- **Detoks daripada media sosial**  
Media sosial boleh memberi pengaruh buruk kepada kita. Namun, ada manfaat keswatanan perkenan dan rasa senang. Mencuci diri dengan bersantai di pantai atau di taman.
- **Mendapat waktu untuk diri sendiri**  
Beruti memberi ruang kepada kita untuk 'bernafas'. Memiliki detik-deti untuk merasakan kedamaian dan ketenangan dalam perjalanan dapat melepaskan tekanan dalam diri.
- **Manjadikan peribadi lebih menarik**  
Melancong memberikan banyak pengalaman lucu, aneh dari kadang-kadang seriusnya dekat dengan kehidupan ramai orang. Menciptakan pengalaman ini boleh membuatkan peribadi kita lebih menarik. Membuat orang tertawa meningkatkan sikap percaya diri, jadi cestakanlah pengalaman melancong anda kepada mereka!
- **Pengalaman baru**  
Bagi seseorang yang melancong beguna untuk mencari pengalaman baru, ia juga mengagihkan kembali saat-saat membahagikan sejungan berdua walaupun ia sudah lama berlalu.
- **Melancong meninggalkan kenangan terindah**  
Melancong tidak tanya memberikan kesan dalam jangka pendek tetapi juga membuatkan kita sebahagian hidup kita dan membuat dalam waktu yang panjang.  
Apabila sudah sampai di rumah, pengalaman bercuti meninggalkan banyak kenangan dan meningkatkan kemampuan seperti percaya diri, wawasan lebih luas, cara pandangan berbeza dan bertemu dengan kawan baru sekolongan membuatkan kita lebih bahagia.

Sumber : Harian Metro, Khamis 3 Mei 2018

# Operasi Perkhidmatan PERPUSTAKAAN



**ISNIN - JUMAAT**  
**8.30 PAGI - 6.00 PETANG**  
**CUTI SEMESTER :**  
**WAKTU PEJABAT SAHAJA**  
**ISNIN-KHAMIS :**  
**8.30 PAGI - 1.00 TENGAHARI**  
**2.00 PETANG - 5.00 PETANG**  
**JUMAAT :**  
**8.30 PAGI—12.15 TENGAHARI**  
**2.45 PETANG - 5.00PETANG**  
**TUTUP :**  
**SABTU & AHAD SERTA CUTI UMUM**

## SUMBANGAN BAHAN BACAAAN

Pihak perpustakaan mengalu-alukan kepada mana-mana staf yang ingin menyumbangkan koleksi bahan kepada pihak perpustakaan. Sumbangan boleh ditujukan terus kepada Pembantu Pustakawan, Puan Norlina Binti Ahmad. Sumbangan ini akan dikategorikan sebagai hadiah kepada Perpustakaan PSA.

PENGARAH  
**DR HJ. MOHD ZAHARI BIN ISMAIL**

PENASIHAT PERPUSTAKAAN  
**MEJAR BERSEKUTU (PA) ZALINA BINTI ISMAIL**  
**TIMBALAN PENGARAH (TPSA)**

KETUA JABATAN PEMBANGUNAN DAN PENGURUSAN FASILITI  
**BIBI SARA BINTI SALEH**

KETUA UNIT PERPUSTAKAAN  
**PUAN NORHAYATI BINTI MAJID**

PUSTAKAWAN (S44)  
**PUAN SITI FATIMAH BINTI WAHAB**

PUSTAKAWAN (S44)  
**PENOLONG PEGAWAI PERPUSTAKAAN (S27)**  
(KOSONG)

PEMBANTU PERPUSTAKAAN (S19)  
**PUAN NOR PARASILA BINTI AHMAD KAMALI**  
**PUAN NORLINA BINTI AHMAD**  
**PUAN NURZULIANA BINTI DELLNOOR**  
**PUAN AZLEENA BINTI BASIRON**

